

03 APR 1996

Mahathir - Wartawan

WARTAWAN DAN KERAJAAN PERLU KERJASAMA BANGUNKAN NEGARA

KUALA LUMPUR, 3 April (Bernama) -- Kerjasama kerajaan dan golongan wartawan boleh membantu perjalanan pembangunan supaya negara sampai ke tahap yang dihormati negara-negara lain, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini.

Perdana Menteri berkata: "Apa salahnya kalau wartawan dan kerajaan bekerjasama untuk membangunkan negara."

Wartawan Malaysia tidak perlu membuktikan kepada orang lain bahawa mereka mempunyai kebebasan akhbar dengan cara mengutuk sesuka hati, katanya pada Malam Perdana Persatuan Wartawan Melayu Malaysia (PWM) di sini.

"Hanya dengan kemajuan itu sahajalah yang akan menentukan sama ada pihak lain menghormati kita atau tidak.

"Tugas kerajaan dan tugas wartawan ialah untuk membangunkan negara...jangan kita lupa bahawa negara kita masih negara membangun. Kita belum sampai kepada tahap negara maju," kata beliau.

"Di negara maju wartawan boleh menaikkan dan menjatuhkan presiden tetapi kita belum mampu berbuat seperti itu. Kita masih serius untuk membangunkan negara," kata beliau.

Beliau berkata walaupun media Barat sering berkata akhbar di sini tidak mempunyai kebebasan, sebenarnya mereka di Barat juga tidak bebas kerana mereka dikongkong oleh editor, pemilik dan pengiklan yang mencorakkan berita mereka bagi kepentingan mereka sendiri.

Dr Mahathir yakin melalui kerjasama yang erat ini golongan wartawan muda akan dapat melihat kemajuan yang bakal dicapai pada tahun 2020 serta taraf bangsa Malaysia yang dihormati dunia.

Turut hadir ialah bekas Timbalan Perdana Menteri Tun Ghafar Baba, Menteri Luar Datuk Abdullah Ahmad Badawi, Menteri Pendidikan Datuk Seri Najib Tun Razak, Menteri Penerangan Datuk Mohamed Rahmat, Menteri Belia dan Sukan Tan Sri Muhyiddin Yassin, Menteri Kebudayaan, Keseniaan dan Pelancongan Datuk Sabbaruddin Chik, Menteri Pembangunan Usahawan Datuk Mustapa Mohamed dan Ketua Pemuda UMNO Tan Sri Abdul Rahim Tamby Chik.

Dr Mahathir juga menyampaikan Anugerah Wartawan Cemerlang Negara kepada Tan Sri A. Samad Ismail, Tan Sri Melan Abdullah, Datuk Dr Usman Awang, Datuk Mazlan Nordin, Harun Hassan dan Puan Adibah Amin.

Sebelum itu, Menteri Besar Selangor Tan Sri Muhammad Haji Muhammad Taib selaku penaung PWM berkata para wartawan memainkan peranan penting dalam mencorakkan pemikiran masyarakat supaya

berfikiran dinamik setaraf dengan masyarakat negara maju.

Beliau berkata wartawan juga "harus bersedia dan dengan segera mengubah masyarakat kita menjadi mampu bersaing dengan masyarakat-masyarakat yang lain."

Malam Perdana ini juga menyaksikan pelancaran Sekretariat Persekutuan Wartawan Islam SeDunia (WFMJ) yang beribu pejabat di Kuala Lumpur oleh Dr Mahathir.

Dr Mahathir juga menerima memorandum bersama dengan kira-kira 700 tandatangan wartawan tempatan sebagai protes terhadap media dan wartawan Barat daripada presiden PWM Yazid Othman.

-- BERNAMA
MGM AKD